

26/05/2003

Melayu Pulau Pinang tidak patut dipinggir

PULAU Pinang memang sudah lama memahat namanya sebagai pusat pembuatan dan kemajuan industri elektronik dan mikrocip. Seajar itu juga pembangunan hartanahnya di sebahagian besar di bahagian pulau negeri itu begitu pesat dengan semakin banyak kondominium dan bangunan pencakar langit dibina. Tetapi terselit di tengah-tengah kepesatan perubahan itu adalah kelompok rumah kayu usang dengan penduduk Melayu yang tinggal seperti di zaman Perang Dunia Kedua dulu. Mengikut pemerhatian Perdana Menteri, jelas bahawa kemajuan dicapai di pulau itu tidak seimbang. Sedang sebahagian penduduk menikmati perubahan dan pencapaian seajar pemodenan negeri itu, namun masih ada golongan kecil yang ketinggalan zaman. Lebih tepat lagi mereka ini adalah penduduk Melayu yang terpinggir dan masih dibelenggu kemiskinan. Sebelum ini Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengakui tidak berpeluang melihat kedaifan kehidupan penduduk itu kerana biasanya dibawa

dari Lapangan Terbang terus ke bahagian selatan yang membangun, tetapi kelmarin beliau berpeluang ke bahagian utara pulau berkenaan.

Bagaimanapun, tinjauan akhbar ini menunjukkan rumah buruk dan setingan bukan saja tertumpu di Teluk Bahang dan Batu Feringghi seperti dilihat Dr

Mahathir, malah selain di Balik Pulau, Melayu miskin juga hidup sesak di Sungai Pinang dan Jelutong. Dua kawasan di tengah kesibukan ibu negeri Georgetown itu adalah kayu ukuran jelas betapa penduduk Melayu terpinggir

dan hidup menumpang di kawasan tidak membangun sedangkan bangunan komersial dan pencakar langit terletak bersebelahannya.

Sedang penduduk di utara pulau itu kekal menjadi petani dan nelayan pantai saja, kajian menunjukkan setingan di tengah bandar itu didiami juga kakitangan kerajaan berpangkat rendah selain pekerja kilang. Keadaan

hidup yang agak terhimpit ini sering menjadi bahan ejekan pekedai dan peniaga bukan Bumiputera yang kadangkala keberatan melayan pembeli Melayu.

Bagaimanapun, kita tidak menafikan ada juga penduduk jati Pulau Pinang yang hidup mewah, tetapi kebanyakan mereka adalah kacukan Melayu-India yang lebih dikenali sebagai Mamak.

Kerajaan negeri seharusnya mengatur langkah sejak dulu bagi membantu meningkatkan sama taraf hidup Melayu Pulau Pinang khususnya di bahagian pulau tanpa mengaitkan kedudukan dan kemajuan Melayu di Seberang Prai. Parti Gerakan yang menerajui kerajaan negeri mesti bersikap terbuka dan jujur dalam usaha membangunkan sama penduduk Melayu kerana selama ini ia tetap memerlukan sokongan dan undi mereka setiap pilihan raya umum. Apatah

lagi Umno yang mempunyai lebih kerusi begitu bersedia memberi laluan kepada Gerakan untuk mengetuai kepimpinan pentadbiran negeri.

